

Transformasi perancangan sektor awam perlu lebih

Projek dibuat mesti mengambil kira aspirasi kerajaan, kemampuan kewangan, keperluan

Oleh Abdul Munit Kasmin
rencanabh@bharian.com.my


APABILA Perdana Menteri mengisytiharkan 'Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', seakan ada yang tidak kena dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan negara.

Begitu juga apabila Datuk Seri Najib Razak menyatakan tiada rakyat dipinggirkan, kemiskinan tegar perlu berakhir dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), lonjakan ekonomi negara daripada berpendapatan sederhana kepada pendapatan tinggi, rakyat mula menilai kembali bagaimanakah perancangan pembangunan negara digubal, dilaksanakan dan dikaji impaknya kepada rakyat jelata dan masa depan negara ini.

Negara kita tidak akan maju sekiranya perancangan makro saja baik tanpa disertai keserasian perancangan ekonomi dan spatial serta sistem pelaksanaan berkesan, manakala golongan sasaran tidak bersikap 'responsif' kepada perancangannya.

Pada masa sama, sektor swasta juga tidak secara aktif menyambut perancangan sektor awam menyebabkan tindakan menyeluruh membabitkan sektor awam dan swasta kurang berlaku. Sebenarnya suasana ini masih wujud di Malaysia dan diburukkan lagi oleh suasana ekonomi tidak stabil apabila trend menunjukkan ia berlaku setiap 10 tahun.

Contohnya pada 1980 hingga 2000, kita mengalami ketidakstabilan ekonomi pada 1987, 1997 dan kini 2009.



KEJAYAAN membangunkan projek mega seperti Jambatan Pulau Pinang menjadikan Malaysia diiktiraf negara membangun yang maju.

nya kemahasiswaan

pelaksanaannya. Akibatnya banyak masa

RM1 juta tetapi kos keseluruhan terkum-

1997, 1997 dan 1997. Sungguhpun keadaan ini berlaku, perancangan sektor awam di negara kita masih terikat kepada perancangan lima tahun yang lebih menekankan penggubalan dasar dan kurang menekankan keserasian perancangan spatial dan perancangan projek.

Sekiranya kita halusi dokumen rancangan lima tahun negara, kandungannya amat kemas dalam menjelaskan perancangan ekonomi makro dan dasar sosioekonomi dan kewangan negara tetapi mula lemah di bahagian perancangan projek.

Memang benar rancangan lima tahun adalah rancangan strategik jangka masa sederhana tetapi rancangan ini kurang memunculkan penyediaan kerangka bagi penyediaan perancangan projek yang lebih kemas, pada hal kejayaan sesuatu dasar kerajaan amat bergantung kepada perancangan projek.

Contohnya di Taiwan, yang memasuki era negara maju apabila tujuh projek mega yang dirancang berjaya dilaksanakan. Di Malaysia sendiri, kita diiktiraf negara membangun yang maju apabila kita berjaya membangunkan projek besar seperti FELDA, KLIA, lebuh raya, Jambatan Pulau Pinang, Pelabuhan Barat di Klang dan bandar moden seperti Putrajaya.

Dari sini jelas menunjukkan rancangan makro yang komprehensif tanpa diikuti perancangan projek yang efektif, dasar makro sukar mencapai sasaran sepenuhnya. Jadi, perancangan projek sewajarnya menjadi sebahagian teras penting kepada perancangan negara dan tidak disebut sambil lalu dalam rancangan lima tahun dan cadangannya perlu dibuat se-

cara komprehensif.

Oleh itu, transformasi sistem perancangan negara perlu dibuat dengan menekankan kepada penggubalan dasar makro kepada perancangan dan pelaksanaan projek bagi mencapai objektif sesuatu dasar makro yang digubal.

Memanglah mustahil sekali penjelasan terperinci projek pembangunan dimuatkan dalam dokumen rancangan lima tahun negara kerana ini tidak sesuai dengan konsep perancangan strategik, tetapi dalam keadaan ekonomi yang tidak pasti, kombinasi perancangan strategik dan operasi dalam satu dokumen perancangan adalah penting bagi memastikan apa yang dirancang sebenarnya dilaksanakan.

Apa yang dikhuatiri, sekiranya transformasi kaedah perancangan negara tidak dilaksanakan model ekonomi baru yang sedang digubal oleh kerajaan untuk melonjakkan ekonomi Malaysia dari negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi sukar dicapai.

Jadi transformasi kaedah perancangan negara perlu dibuat dengan menerbitkan suatu dokumen perancangan yang menggabungkan perancangan strategik dengan perancangan taktikal operasi yang lebih jelas.

Dengan kata lain, kombinasi di antara perancangan dasar dan perancangan projek diperkukuhkan lagi dengan perancangan spatial. Melalui transformasi ini, unsur spatial ditekankan pada peringkat awal perancangan projek.

Pada masa lalu, perancangan ekonomi atau projek dirancang dan diputus dulu sebelum unsur spatial diambil kira ketika

pelaksanaannya. Akibatnya banyak masalah perancangan spatial wujud kerana lokasi projek yang dicadang menimbulkan pelbagai masalah alam sekitar apabila dilaksanakan.

Keadaan ini berlaku sebab kawasan pembangunan semakin hari semakin kurang dan kawasan baru jika dibuka memerlukan kos tinggi. Oleh itu, transformasi perancangan negara yang perlu dibuat bagi menggantikan konsep dokumen rancangan lima tahun negara ialah;

- Konsep dokumen rancangan lima tahun ini dipinda dengan cuma 40 peratus menjelaskan dasar tetapi 60 peratus menjelaskan perancangan projek yang mengambil kira unsur spatial pada peringkat awal perancangan lagi. Sekiranya perlu penjelasan dasar yang lebih terperinci, maka bolehlah dokumen sokongan diterbitkan.

- Perancangan projek perlu dibuat secara komprehensif. Sekiranya tidak, sekurang-kurangnya setakat 'indicative' sebelum dimuatkan dalam dokumen rancangan lima tahun. Dalam RMK-9, banyak projek diluluskan tidak mempunyai perancangan langsung. Di samping itu konsep 'Rolling programme' perlu ditekankan kerana terbukti banyak projek pembangunan melewati tempoh tahunan atau lima tahun baru disiapkan.

- Dokumen sokongan patut disediakan bagi setiap projek besar atau sekumpulan projek pembangunan. Contohnya jika projek itu mempunyai kos lebih RM10 juta, maka dokumen sokongan perlu disediakan.

Begitu juga sekiranya projek itu bernilai

RM1 juta, tetapi kos keseluruhan terkumpul adalah melebihi RM10 juta, maka dokumen sokongan juga perlu disediakan. Dokumen sokongan projek ini perlu dijadikan dokumen rujukan sebab ia mengandungi rasional sesuatu projek dari segi ekonomi dan spatial, konsep dan reka bentuk projek, keperluan kewangan dan jadual pelaksanaan

- Dokumen rancangan lima tahun yang disediakan dijadikan rujukan utama dalam penyediaan perancangan tahunan negara atau bajet tahunan. Pada masa lalu, dokumen rancangan lima tahun tidak digunakan sepenuhnya dalam penyediaan bajet tahunan tetapi dokumen transformasi rancangan lima tahun ini perlu dipastikan kandungannya memenuhi keperluan bajet tahunan. Sekiranya bajet tahunan dibuat tanpa merujuk rancangan lima tahun ini, maka perancangan lima tahun ini akan gagal dilaksanakan.

- Perancangan projek yang dibuat mesti mengambil kira aspirasi kerajaan, kemampuan kewangan dan keperluan ekonomi dan spatial sesuatu projek. Projek ini perlu fleksibel dan boleh diubah suai untuk mudah dilaksanakan kerana perkara ini penting bagi memastikan projek yang dirancang boleh mencapai objektif.

Kesimpulannya, perancangan dibuat adalah untuk memenuhi aspirasi kerajaan. Sekiranya kini kerajaan menekan 'IMa-laysia: Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan', maka dokumen perancangan ini tentu sekali berjiwa rakyat dan menekankan kepada produktiviti dan keluaran. Sungguh pun begitu, keberkesanan dokumen akan wujud sekiranya ia boleh dilaksanakan serta mampu bertindak balas kepada persekitaran sosioekonomi negara dan global.

Datuk Seri Dr Abdul Munit Kasmin, adalah pegawai tadbir dan diplomatik

BERITA HARIAN

KETUA PENGARANG KUMPULAN NSTP
Datuk Hishamuddin Aun

PENGARANG KUMPULAN BHSB
Datuk Manja Ismail

TIMBALAN PENGARANG KUMPULAN BHSB
Mustapa Omar

PENGARANG EKSEKUTIF BERITA
Mahfar Ali

PENGARANG EKSEKUTIF PENGLUARAN
Abdul Razak Rafflis

PENGARANG EKSEKUTIF RENCANA
Norhayati Md Said

Sempena Persidangan ICT Kebangsaan 2009 pada 9-11 Jun

Konsep 'Kerajaan Terangkai' tingkat interaksi kerajaan, rakyat

Oleh Jami'ah Shukri
jami'ah@bharian.com.my


STRATEGI mewujudkan konsep 'Kerajaan Terangkai' yang lebih kos efektif dan berkesan melangkaui sempadan serta mampu meningkatkan mutu dan interaksi antara kerajaan, rakyat dan pihak swasta perlu di-realisasikan segera sejajar dengan revolusi sains dan teknologi dunia.

Amalan pelaksanaan kerajaan elektronik (e-kerajaan) berasaskan kepentingan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang dimulakan sejak beberapa tahun lalu adalah langkah awal untuk memahat Malaysia antara kelompok negara maju, pada masa depan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan sudah menyediakan infrastruktur bertaraf dunia, termasuk memperuntukkan RM12.9 bilion bagi aplikasi ICT.

Malah, sejak e-kerajaan dilaksanakan, ia memberikan banyak manfaat khususnya dalam sistem penyampaian yang lebih efektif dan berkesan. Sehingga kini, e-kerajaan sudah memberi manfaat sebanyak 1,192 perkhidmatan dalam talian dan 260 perkhidmatan khidmat pesanan ringkas (SMS).

Pada masa sama, aplikasi ICT ini juga sudah diamalkan agak meluas di beberapa bidang lain di jabatan kerajaan seperti mewujudkan sekolah bestari bertaraf lima bintang, tele-perubatan di 38 pusat kesihatan dengan berhubung menerusi tele-perundingan, penggunaan kad pintar di 10 sektor kerajaan dan 300 pusat perkhidmatan bersepadu kerajaan di 10 sektor.



Abdul Halim Ali

lumat dan pengurus teknologi daripada sektor awam dan swasta bagi mencari jalan penyelesaian serta strategi merangka Kerajaan Terangkai.

Halim berkata, kerajaan dan swasta mempunyai peranan penting dalam merealisasikan harapan rakyat keseluruhannya supaya penggunaan ICT secara menyeluruh dan mampu memberi perkhidmatan terbaik.

Katanya, negara sudah bergerak dalam bidang ICT bagi memudahkan perhubungan antara kerajaan dan swasta dan swasta dengan swasta, dan kini akan membabitkan masya-

Bagaimanapun, semua kemudahan menerusi e-kerajaan itu wajar terus diperluas dan diperhebatkan di semua sektor supaya hubungan antara kerajaan, swasta dan rakyat lebih rapat dalam segala urusan.

Pengerusi Perbadanan Multimedia (MDeC), Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata pembangunan Kerajaan Terangkai seharusnya dijadikan agenda utama untuk memastikan perhubungan antara sektor lain menerusi ICT semakin rapat dan tiada jurang memisahkan sama ada di bandar atau luar bandar.

Satu strategi yang lebih bersepadu dan komprehensif perlu dirangka bagi memenuhi keperluan itu di samping kemudahan infrastruktur dalam bidang berkenaan lebih mantap.

Justeru, katanya, MDeC dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) menganjurkan Persidangan ICT Kebangsaan 2009 yang diharapkan dapat memperluaskan penggunaan ICT bukan saja di kalangan kakitangan kerajaan, malah swasta dan rakyat dan akhirnya matlamat Kerajaan Terangkai tercapai.

"MDeC mempunyai peranan untuk meningkatkan penggunaan IT di seluruh negara supaya dapat memberi perkhidmatan lebih baik dan menyeluruh kepada masyarakat.

"Negara seperti Korea Selatan membuat banyak kemajuan besar dalam menyampaikan atau mempertingkatkan penggunaan ICT untuk pembangunan dan menyampaikan khidmat kepada masyarakat," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Seminar tiga hari bermula hari ini hingga Khamis di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), adalah seiring matlamat memaksimumkan penggunaan ICT sebagai pemangkin ke arah memastikan sistem penyampaian terbaik yang menghubungkan kerajaan kepada rakyat dan perniagaan.

Persidangan bertemakan 'Kerajaan Terangkai Untuk Malaysia' itu dijangka dihadiri 600 ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai mak-

rakat amnya supaya masyarakat dapat menikmati perkhidmatan kerajaan dengan lebih berkesan dan cepat.

"Ini sekali gus mewujudkan hubungan menyeluruh antara kerajaan, swasta dan rakyat. Secara tidak langsung masing-masing saling dapat menikmati kemudahan sama rata di mana pun mereka berada tanpa mengira sempadan dan pelusuk dunia.

"Kerajaan dapat mengetahui pandangan terhadap sesuatu isu dan kerajaan akan mendapat maklum balas, jika tidak mungkin ada dikemukakan menerusi surat layang. Tetapi sekarang kita sudah ada blog, iaitu salah satu ciri daripada kerajaan terangkai. Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad juga ada blog, selain ramai menteri Kabinet juga sudah ada blog dan facebook masing-masing. Ramai juga yang dapat menyampaikan pandangan dengan terbuka," katanya

Dengan itu, secara tidak langsung ia membantu dari segi pertumbuhan syarikat ICT tempatan dan menarik pelaburan daripada ICT luar negara dan pihak MDeC tahu apakah perisian yang baik untuk membantu kerajaan.

E-kerajaan yang sudah ditubuhkan sebelum ini juga membantu mempercepatkan sistem penyampaian dalam pelbagai sektor dan diharapkan menerusi Kerajaan Terangkai ini pelbagai bentuk ICT yang lebih interaktif juga mampu diwujudkan.

Ketika ini, Malaysia menduduki tangga kelima di peringkat Asia selepas Jepun, Korea Selatan, Singapura dan Filipina dari segi tahap penggunaan ICT manakala kadar celik IT, negara juga berada pada tahap yang baik.

"Malaysia hanya 21 peratus mempunyai capaian jalur lebar berbanding Korea Selatan, 90 peratus. Kerajaan juga ada perancangan membangunkan jalur lebar untuk mencapai ke tahap 50 peratus menjelang akhir tahun depan. Dua tahun lalu hanya lima peratus dengan perbelanjaan yang besar dilaburkan kerajaan untuk mencapai ke tahap terbaik," katanya.